

# Buletin

ACIS

Zulkaedah 1443/ Jun 2022

## Sejarah Kejayaan Terbesar Umat Islam Di Rantau Laut Hitam



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Nur Sofiah binti Suhaimi

### Sidang Pengarang:

Prof. Madya Dr. Azarudin bin Awang  
Dr. Adibah Bahori

Suhaila Sharil & Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil  
Suhaila Sharil & Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan artikel  
akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke  
[bulletinacisnsdk@gmail.com](mailto:bulletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS** siri ke-44 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah “**Sejarah Kejayaan Terbesar Umat Islam Di Rantau Laut Hitam**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Sejarah Kejayaan Terbesar Umat Islam Di Rantau Laut Hitam **3**

Pencegahan Jenayah Syariah Melalui Penguatkuasaan **5**

Lawatan Penanda Aras ACIS Zon Selatan 2022 **6**

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 **9**

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Mengimbau Kembali Sejarah Kejayaan Umat Islam Di Rantau Laut Hitam



Oleh:

**Prof. Madya Dr. Azarudin bin Awang**

Prof Madya Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

UiTM Cawangan Negeri Terengganu

Laut Hitam merupakan sebuah laut yang terletak di antara tenggara Eropah dan Asia Kecil yang menghubungkan Laut Marmara melalui selat Bosporus dan Laut Azov melalui Selat Kerch. Laut Hitam ini memiliki keluasan 422.000km<sup>2</sup> dan kedalaman maksimum sehingga 2.210m. Walaupun laut ini dinamakan Laut Hitam namun airnya tetap berwarna biru sebagaimana laut yang lain. Pada hari ini, antara negara yang terletak di perbatasan Laut Hitam adalah Bulgaria, Georgia, Romania, Turki, Rusia dan Ukraine. Laut Hitam juga kaya dengan sumber alam seperti minyak dan gas asli bahkan terdapat paip yang menyalurkan bahan api tersebut. Selain itu, Laut Hitam berfungsi sebagai jalan perdagangan dan penyaluran sumber ekonomi dari negara rantau tersebut iaitu negara luar dari Eropah Selatan (Alya & Cattleya, 2020). Justeru, krisis Rusia dan Ukraine yang berlaku pada hari ini menjadikan rantau tersebut menjadi tumpuan khususnya peranan geopolitik yang cukup strategik dalam lipatan sejarah.

Salah satu peristiwa besar yang berlaku dalam lipatan Tamadun Islam ialah misi penaklukan kota Konstantinopel. Kota ini diasaskan oleh Maharaja Constantine Agung pada tahun 324M dan pernah disebut dalam satu hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "Telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Bisyr al-Khas'amiy dari ayahnya sesungguhnya ia telah mendengar dari Nabi saw berkata: "Sungguh akan ditaklukkan Konstantinopel maka sebaik-baik pemimpin adalah pemimpin pada waktu itu dan sebaik-baik tentera adalah tentera pada waktu itu" (Al-Bukhari kitab al-Kabir). Kota Konstantinopel yang menjangkau kedua-dua belah Selat Bosphorus di kedua-dua benua Eropah (Thrake) dan Asia (Anatolia) menjadi ibu kota kepada Empayar Rom (330-395); Empayar Rom Timur (395-1453); dan Empayar kerajaan Uthmaniyyah (1453-1923). Pada hari ini, Konstantinopel yang kini dikenali dengan nama Istanbul menjadi kota metropolis unik

di dunia yang kaya nilai sejarah dan kebudayaan sehingga disenaraikan sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kota Konstantinopel yang dianggap sebagai "*the City with The Perfect Defense*" ini memiliki dua lapisan tembok pertahanan yang utuh sama ada di darat dan di laut, selain diperkuatkan dengan dua parit besar di ruang luar dan dalam tembok tersebut. Penaklukan kota Konstantinopel menjadi satu peristiwa sejarah yang cukup panjang dan penting dalam lipatan sejarah Islam. Para khalifah Islam yang hebat bermula dari zaman khulafa al-Rasyidin lagi yakni pada zaman Saidina Uthman, zaman Bani Umayyah dan zaman Bani Abbasiyyah telah mencuba beberapa kali melakukan usaha untuk menakluki kota tersebut namun masih belum mendatangkan hasil (Harel Bayu, 2020). Cubaan penaklukan secara serius dilakukan pada zaman pemerintahan Bani Umayyah iaitu pada zaman Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan (668-669 M) dengan tentera yang dipimpin oleh anaknya iaitu Yazid bin Muawiyah dengan jumlah angkatan tentera seramai 40,000 tentera berserta 700 armada kapal perang. Namun, kerajaan Byzantium yang menjadi penguasa Kota Konstantinopel berjaya mengalahkan pasukan darat Arab di Asia Kecil, sehingga bangsa Arab terpaksa menghentikan pengepungan ke atas kota tersebut (El-Cheikh, 2004). Antara tokoh yang menonjol dalam kalangan Sahabat Rasulullah SAW dalam ekspedisi ini ialah Abu Ayyub al-Anshari, satu di antara kaum Ansar dan pembawa panji Muhammad, yang meninggal pada usia 85 tahun kerana telah diserang penyakit. Beliau memberi wasiat kepada Yazid bin Muawiyah agar makamnya ditempatkan di kawasan yang paling hampir dengan kota Konstantinopel sebagaimana katanya "Kuburkan aku di bawah tembok Konstantinopel agar kelak dapat ku dengar kaki kuda sebaik-baik raja dan sebaik-baik tentera. Maka tahulah aku pada saat itu benarlah kata Rasulullah SAW" (Muhammad

Syaari 2014). Begitu juga, pada tahun 674 M, pasukan Bani Umayyah sekali lagi kembali melakukan serangan ke Konstantinopel yang dikenali sebagai Perang 7 Tahun (674-680 M), yang direncanakan melalui dua angkatan laut berhampiran kota Konstantinopel, namun masih tidak berhasil (El-Cheikh, 2004).

Selanjutnya, pada zaman khalifah Harun Ar-Rasyid dari kerajaan Bani Abbasiyyah pada tahun 165H, angkatan tentera Islam sudah mencapai pinggiran kota Konstantinopel, namun Ratu kerajaan Rom pada ketika itu telah memilih jalan perdamaian dan memilih untuk membayar jizyah. Justeru, khalifah bersetuju dan kembali semula ke Baghdad tanpa melakukan sebarang penaklukan. Begitu juga pada zaman pemerintahan khalifah Turki Uthmaniyah, ekspedisi tentera Sultan Beyazid I (796 H) dan Sultan Murad II (824 H) juga berusaha membebaskan kota Konstantinopel, namun masih belum juga berhasil (Harel Bayu, 2020). Berkait dengan ini, Ahmad Azan et al. (2018) dalam tulisan beliau menyatakan bahawa setidaknya telah berlaku sekitar 29 kali percubaan untuk membebaskan kota Konstantinopel yang dilakukan oleh 11 tokoh-tokoh besar dalam sejarah Islam.

Menjelang waktu Asar pada 29 Mei 1453 dengan kekuatan lebih dari 100 ribu pasukan, tentera kerajaan Turki Uthmaniyah di bawah pimpinan oleh Mehmed II yang turut dikenali sebagai Muhammad Al-Fatih, berjaya menakluki kota yang dianggap sebagai jantung peradaban kerajaan Byzantium. Kemuncak penaklukan kota Konstantinopel berlaku ketika Muhammad Al-Fatih mengambil keputusan untuk memindahkan armada kapal perang sebanyak 67 kapal berukuran sedang dan kecil ke Golden Horn melalui jalan darat bagi mengelakkan rantai-rantai di bawah laut yang dipasang oleh kerajaan Byzantium. Pengepungan ke atas kota Konstantinopel dilakukan selama 54 hari dengan menggunakan taktik perang yang tidak pernah digunakan dalam pengepungan sebelumnya. Penaklukan kota Konstantinopel menamatkan pemerintahan kerajaan Byzantium berusia 1.058 tahun. Selanjutnya, apabila berakhirnya abad pertengahan, kota Konstantinopel dengan nama barunya Islambul (Istanbul) menjadi ibu kota kerajaan Turki Uthmaniyah (Felix, 2016).

Hingga kini, kota Istanbul yang menjadi pintu masuk dan akses utama untuk kapal-kapal belayar menuju ke pelabuhan di sekitar Laut Hitam. Signifikan kota ini dalam sejarah Islam cukup besar kerana ia berperanan sebagai pusat pemerintahan ketenteraan, pusat perniagaan dan perdagangan dan politik pemerintahan antarabangsa. Malah, Napoleon Bonaparte pernah menyatakan, "Apabila dunia ini sebuah negara, Konstantinopel adalah yang paling layak menjadi ibu negaranya" dan selanjutnya beliau menyatakan "Sekiranya aku menguasai Konstantinopel maka mudahlah aku menguasai dunia." (Ahmad Azan et al., 2018). Kejayaan menakluki kota Konstantinople menjelaskan bahawa dalam menggapai sesuatu kecemerlangan, strategi, perancangan yang jitu, kerja berpasukan, usaha yang bersungguh-sungguh dan perbincangan yang melibatkan semua pihak merupakan asas dalam mencapai sebuah kemenangan.

## Rujukan

- Ahmad Azan Ridzuan, Noor Azmi Hj Mohd Zainol, Jessica Ong Hai Liaw, Norlaila Mazura Mohaiyadin & Safar Yaacob. 2018. Dimensi-Dimensi Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh Sebagai Arkitek Penaklukan Kota Konstantinopel. Dalam e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018. 477-484.
- Alya Fathia Fitri, Cattleya Liutantri. 2020. Dinamika Keamanan Laut Hitam ditengah Tensi Rusia, NATO, dan AS era Presiden Joe Biden. Dalam Pcd Studies Center Annual Review, Edisi I (2022). 1-13.
- El-Cheikh, Nadia Maria (2004). Byzantium Viewed by the Arabs. Cambridge, Massachusetts: Harvard Center for Middle Eastern Studies
- Felix Y. Siauw. 2016. Muhammad Al-Fatih 1453. Jakarta: Al-Fatih Press.
- Harel Bayu Paizin. 2020. Reinterpretasi Hadis Penaklukan Konstantinopel perspektif Fazlur Rahman. Jurnal Ilmu Hadis, 3 (1), 56-85.
- Muhammad Syaari Abdul Rahman. 2014. Berfikir Gaya Al-Fatih. Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.

# Pencegahan Jenayah Syariah Melalui Penguatkuasaan

Oleh:

**Dr. Adibah Bahori**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Prinsip *al-amr bi al-ma'aruf* secara umumnya bermaksud menyeru kepada kebaikan dan prinsip *al-nahy 'an al-munkar* pula memberi erti menegah kemungkaran. Dua prinsip ini sekiranya dapat dilaksanakan dengan sempurna akan menjadi strategi pencegahan jenayah dan seterusnya akan menjadi mekanisme pengislahan ummah secara komprehensif dan holistik. Ia bermula dengan pengislahan di peringkat individu, diikuti dengan masyarakat dan negara.

Hal ini menjadikan objektif penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah berbeza dengan objektif sistem undang-undang yang lain. Walaupun sistem perundangan yang lain mengiktiraf beberapa hak yang lain (atau hak orang ramai), ia meletakkan hak kepada individu. Sistem itu tidak memberikan keutamaan yang tinggi kepada kedudukan agama atau sistem yang diperkenalkan oleh agama itu sendiri. Islam meletakkan agama dan faedah bersama seluruh masyarakat di tempat yang sangat dominan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa sistem Islam ialah gabungan sistem yang berdasarkan kewajipan dan hak. Hal ini jelas menjadikan tujuan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah ialah untuk memelihara dan mempertahankan hak-hak manusia dan untuk melindungi setiap aspek kehidupan manusia, termasuk agamanya.

Hakikatnya, *al-amr bi al-ma'aruf wa al-nahy 'an al-munkar* adalah lebih baik daripada pendekatan punitif yang diambil oleh sistem penguatkuasaan jenayah Syariah di Malaysia. Kurangnya sosialisasi undang-undang Syariah, iaitu memasyarakatkan undang-undang jenayah Syariah, menyebabkan kurangnya peringatan tentang pencegahan mungkar disebarluaskan dan disampaikan kepada masyarakat serta mereka yang mudah terpengaruh dan cenderung ke arah melakukan kesalahan melibatkan tatasusila ini. Undang-undang jenayah Syariah perlu disebarluaskan dan diuar-uarkan kepada masyarakat awam supaya mereka tahu tentang kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang boleh diambil tindakan ke atas mereka yang disyaki melakukan perbuatan tersebut.

## Cabar dan Peluang dalam Pelaksanaan

### Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia

Kewujudan undang-undang jenayah Syariah boleh menyumbang kepada pembangunan insaniah, membentuk psikologi diri manusia dan seterusnya menjamin kemaslahatan ummah. Namun, dalam merealisasikan peranan perundangan jenayah Syariah ini, peningkatan kepada etika dalam penguatkuasaan adalah antara ruang

dan peluang yang perlu diasah. Meningkatkan tahap profesionalisme para penguatkuasa agama, menuntut kefahaman dan amalan berkaitan etika pelaksanaan kuasa.

Walaupun begitu, adakalanya undang-undang atau peraturan yang ditulis dalam bentuk perundangan tidak menjadi begitu sempurna dalam amalan yang sebenar apabila ia dilantun dalam gerak kerja harian pelaksana. Oleh itu, latihan-latihan khusus termasuk latihan pengukuhan kendiri, kekuatan minda serta psikologi adalah aspek utama latihan yang perlu diambil kira. Penambahbaikan undang-undang hendaklah dilaksanakan secara holistik dengan pembinaan sumber manusia dan latihan dalam bentuk kerjasama antara jabatan penguatkuasa yang lain seperti pasukan polis adalah menjadi satu keperluan.



Walaupun perundangan dan latihan ditambahbaiki, penambahbaikan tidak sepenuhnya menjamin pencapaian objektif jenayah Syariah. Etika penguatkuasaan hendaklah juga disokong oleh sistem dalam pelaksanaan hukuman. Pelaksanaan hukuman, seperti modul pengajaran sama ada di dalam penjara atau di Pusat Perlindungan Wanita seperti di Baitul Ehsan adalah antara aspek penting yang perlu diperhalusi pada masa akan datang dan seterusnya. Begitu juga kefahaman menyeluruh tentang falsafah perundangan Islam, terutamanya falsafah dan objektif undang-undang jenayah Syariah hendaklah diperkasa. Pendidikan kepada masyarakat berkaitan falsafah perundangan jenayah Syariah hendaklah berjalan seiring dan bersepadan dalam penambahbaikan kepada sifat atau kerangka (framework) penguatkuasaan. Program-program mengenai pentingnya sistem kehidupan bermoral perlu digerakkan ke seluruh negeri dan negara secara berkala dan berterusan.

Justeru, hal ini jelas menunjukkan bahawa Islam telah menggariskan metodologi yang amat wajar dalam menangani kesalahan yang melibatkan tatasusila. Bermula daripada pelaksanaan sistem Islam yang lengkap, pembinaan umat melalui pendidikan, mekanisme sinergi antara pelaksanaan negara, kawalan masyarakat dan takwa individu hingga kepada pelaksanaan kepelbagai bentuk hukuman.

# Lawatan Penanda Aras ACIS Zon Selatan 2022

Oleh:

**Suhaila Sharil**

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



**KUALA PILAH** 31 Mei 2022, Satu Program Lawatan Penanda Aras ACIS Zon Selatan telah diadakan di UiTM Kuala Pilah dengan dihadiri oleh delegasi pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Melaka. Seramai 31 orang pensyarah terlibat daripada kedua-dua UiTM Cawangan tersebut. Lawatan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengurus Majlis iaitu Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf dan diikuti dengan bacaan doa oleh Dr. Mohd Kamel Mat Salleh.



Antara objektif Lawatan Penanda Aras ACIS Zon Selatan dinyatakan seperti berikut:

1. Berkongsi idea dan kepakaran dengan menggabung jalin prestasi organisasi kampus
2. Merancang, menyelaras dan berkolaborasi dalam pelbagai program melibatkan Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Perundingan, Penerbitan, Konferensi dan lain-lain
3. Pemurnian budaya kerja cemerlang dalam kalangan Pengurusan ACIS bagi memacu kecemerlangan dan keberkesanan tadbir urus organisasi.

Program Lawatan diteruskan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan iaitu Ustazah Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil dengan membentangkan Carta Organisasi ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Carta Organisasi Pengurusan Halal IC120 UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Program-Program Akademik, Program MoU dan MoA, Program kakitangan ACIS, Jumlah pelajar berdaftar IC120 dan alumni, Pencapaian Program IC120, Penyelidikan dan penerbitan, Plus Tahfiz, Kepimpinan pelajar IC120 dan Promosi Program dan pascasiswazah. Selain itu, program diteruskan dengan sesi taaruf dan taklimat oleh Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Melaka iaitu Dr. Dziauddin bin Sharif. Beliau membentangkan carta organisasi ACIS UiTM Cawangan Melaka, Program Diploma Muamalat IC110, Program Plus Tahfiz, Program Pasca Siswazah, Pencapaian ACIS 2021/2022, Aktiviti ACIS 2021/2022, MoU dan MoA, Libat Urus Masyarakat dan Pemegang Tauliah Mengajar.





Maka, Dr. Mohd Khairul Azhar Meerangani bersetuju dan membuat pemarkuman bahawa Pihak IPSIS juga telah membuat promosi untuk Pengajian Islam oleh itu dicadangkan agar dianjurkan Kolokium Penyelidikan Siswazah Zon Selatan dan ACIS menjadi penganjur bagi program ini. Ustazah Siti Aishah menerangkan bahawa auditor pernah bertanya mengenai promosi program justeru promosi program yang sedia ada sebelum ini dibuat secara bersama dan selepas ini boleh dicadangkan untuk membuat promosi program pasca siswazah serta diploma contohnya Jom kenali ACIS Zon Selatan bagi pasca siswazah dan diploma. Terdapat juga cadangan daripada Dr. Mohd Faizal P Rameli mengenai penjanaan pendapatan berkaitan Buku Latihan Industri pelajar IC120 untuk dipasarkan kepada cawangan-cawangan yang memerlukan.

Kemudian, sesi percambahan taklimat dimulakan oleh Ustaz Hisam Satari yang menyatakan konsep Collaborative teaching and Learning telah dibuat sebelum ini di peringkat zon contohnya vetting soalan di peringkat zon bersama Negeri Melaka, Terengganu, Sarawak dan Negeri Sembilan. Program IC120 juga telah berdaftar bersama ACIS Cawangan Sarawak untuk kod IMU bagi sesi kolaboratif ini. Setakat ini, kolaboratif yang telah dibuat adalah membuat soalan bersama dan mengajar bersama telah menjadi amalan ACIS. Seterusnya turut dibincangkan juga adalah mengenai penganjuran dana dan aktiviti sukan. Terdapat juga cadangan berkenaan Pasca Siswazah daripada Dr. Nursafra Mohd Zhaffar berkaitan kolaborasi bersama JPN Melaka dan Negeri Sembilan untuk melantik jawatankuasa di peringkat ACIS Zon Selatan kerana sektor Pendidikan Islam seperti guru-guru adalah peluang untuk ACIS menjadikan mereka sebagai pelajar pasca siswazah dengan mewarwarkan iklan mengenai bidang-bidang kepakaran yang ditawarkan di peringkat ACIS.



Prof Madya Dr S Salahudin Suyurno menyatakan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Siswazah perlu membuat strategi untuk mengembangkan ACIS di Peringkat Pasca Siswazah contohnya seperti Penyelia Bersama. Jika sebelum ini tugas hakiki pensyarah hanya mengajar namun kini pensyarah dikehendaki untuk mengeluarkan penerbitan dan penyelidikan berdasarkan KPI Universiti. Hasil dari makluman tersebut, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ramli menegaskan bahawa Pasca Siswazah baru sahaja ditawarkan kepada kampus/pihak cawangan iaitu pada tahun 2020 dan berlakunya perubahan dari segi proses yang perlu diikuti oleh cawangan.



Selain itu, program ini turut membincangkan mengenai cabaran-cabaran kepada pihak pengurusan ACIS Cawangan yang dikemukakan oleh Dr. Mohd Zaid Mustafar. Hal ini mengenai kerjasama daripada pengurusan di Peringkat ACIS UiTM Shah Alam untuk proses dokumentasi dan dicadangkan supaya pihak pengurusan membuat Carta Alir Program Baru. Proses dokumentasi ini juga diterangkan dengan lebih lanjut oleh Ustazah Nuruul Hidayah binti Mansor yang merupakan Koordinator Program Diploma Pengurusan Halal. Beliau menceritakan pengalaman apabila terlibat dalam proses dokumentasi IQA02 dengan beberapa penambahbaikan.



Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ramli menyatakan bahawa ACIS perlu menggilap dan melahirkan kepakaran dari sudut memantapkan jawatankuasa OBE dan memantau perjalanan program agar selari dengan industri dan boleh mengemukakan kaji selidik kepada alumni untuk melihat kekurangan program bagi penambahbaikan serta

memperkuatkan pasca siswazah. Perkara ini turut disokong oleh Ustaz Hisam Satari dan berharap agar Prof Madya Dr S Salahudin Suyurno dapat membantu pengurusan fakulti apabila berada di peringkat pengurusan tertinggi bagi memastikan setiap cawangan tidak merasakan kehilangan arah untuk mendapatkan dokumentasi berkaitan program.

Selain itu, Prof Madya Dr S Salahudin Suyurno turut menyuarakan pandangan mengenai kebijakan kakitangan dengan menggalakkan kepada semua kakitangan Part Time Full Time (PTFT) untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran agar memudahkan untuk pentadbiran mengisi kekosongan perjawatan apabila dibuka kelak. Turut dibincangkan juga program baru yang boleh diwujudkan untuk melebarkan sayap ACIS selari dengan keperluan industri semasa selain daripada letter of intent (LOI) dan Memorandum of Understanding (MoU). Semoga hasil daripada Lawatan Penanda Aras ACIS Zon Selatan 2022 berjaya menubuhkan Jawatankuasa Bersama Peringkat ACIS Zon Selatan dan berkongsi sebanyak mungkin dokumentasi serta kolaborasi bersama program Pasca Siswazah.



Program Lawatan Penanda Aras ACIS Zon Selatan 2022 ini ditutup dengan sesi penyampaian cenderahati kepada Ketua Pusat Pengajaran Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Melaka dan delegasinya serta penyampaian cenderahati kepada Ketua Pusat Pengajaran Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Akhir sekali, program diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan makan kepada semua delegasi. Jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada semua pensyarah yang terlibat.



# MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022

Oleh:

**Suhaila Sharil**

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**REMBAU** 19 Mei 2022, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

2022 telah diadakan di Dewan Biduanda anjuran UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Majlis ini bermula pada jam 10 Pagi dan tamat pada jam 1 Petang. Acara dimulakan dengan aluan daripada Pengacara Majlis iaitu Encik Mohd Faisal Md Noor dan Farah Hazween Amanah. Persiapan majlis telah bermula sehari sebelum iaitu pada 18 Mei 2022 bagi menghias dewan mengikut jabatan. Akademi Pengajian Islam Kontemporari turut tidak ketinggalan dengan diberi tugasan untuk menyediakan lemang bersama Pensyarah daripada Sains Komputer dan Matematik dan kakitangan Hal Ehwal Islam. Proses tempahan makanan telah dilakukan oleh Ustazah Suhaila Sharil dan proses pengambilan makanan dilaksanakan oleh Ustaz Mohd Hidayat Mahadi manakala Dr. Adibah Bahori membawa peralatan untuk menghias booth seperti bunga, cawan dan teko.



Selain itu, Ustaz Muhammad Noor Hussin pula telah membantu membelah lemang sementara menunggu kedatangan ahli JKEN. Koordinator Akademi Pengajian Islam Kontemporari iaitu Ustaz Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah memainkan peranan besar dalam menguruskan segala perbelanjaan dan pengeluaran mengenai kewangan untuk membeli semua peralatan, kelengkapan dan makanan. Ustazah Ros Amira Ruslan telah membantu membeli beberapa peralatan dekorasi di kedai berhampiran. Walaupun kelengkapan tersebut tidak mencukupi namun hasil idea daripada pensyarah-pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik telah membuatkan booth tersebut kelihatan ceria dengan hiasan kain batik dan buah kelapa. Kain batik tersebut digubah menjadi bunga supaya hiasan di meja bertambah seri. Pelita juga turut digunakan bagi menandakan kemeriahian di Aidilfitri.



Pada jam 10 Pagi ketibaan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan Warga Kampus ke Dewan Biduanda dan bacaan doa oleh Ustaz Zamri Samsudin. Tepat jam 10.30 Pagi Ucapan daripada Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan Jamuan Makan. Tema pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 ini adalah tema klasik. Sementara pensyarah menikmati hidangan, acara diserikan dengan tayangan montaj dan persempahan tarian oleh Kelab Ragenda serta Persembahan Nyanyian. Pengacara majlis memeriahkan suasana dengan turut menyanyikan lagu Aidilfitri. Kakitangan juga merakamkan ucapan Selamat Hari Raya dan menyanyikan lagu Aidilfitri untuk menghangatkan dewan. Pada jam 11.30 Pagi tibaalah acara kemuncak iaitu pengumuman pemenang pertandingan pakaian lelaki dan Wanita tercantik serta booth terbaik. Pemenang membawa pulang hadiah berupa hamper dan wang tunai.

Alhamdulillah majlis tamat dengan jayanya pada jam 1 Petang bersama sesi fotografi. Kebanyakan Pensyarah sangat gembira kerana telah 2 tahun tidak berkesempatan untuk melaksanakan sambutan Aidilfitri di Peringkat Universiti disebabkan Pandemik Covid-19. Setinggi penghargaan kepada semua Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Pensyarah Sains Komputer dan Matematik serta kakitangan Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau atas Kerjasama yang diberikan dengan menjayakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022.